

12/05/1999

Jomo dakwa artikel dapat perlindungan bersyarat

KUALA LUMPUR, Selasa - Profesor Jomo Kwame Sundram yang menghadapi saman malu bernilai RM250 juta, mendakwa artikel tulisannya yang didakwa memfitnah seorang tokoh perniagaan mempunyai perlindungan bersyarat dan dilindungi Perlembagaan Persekutuan.

Prof Jomo yang menghadapi saman malu daripada Pengerusi dan Ketua Eksekutif Kumpulan Berjaya Berhad, Tan Sri Vincent Tan Chee Yioun, memfailkan pembelaannya pada 31 Mac lalu selepas disaman oleh tokoh perniagaan itu pada 2 Februari lalu.

Beliau yang juga Profesor Ekonomi di Fakulti Ekonomi dan Pentadbiran Universiti Malaya dinamakan sebagai defendan pertama dalam saman itu.

Selain itu, Tan menamakan Penerbit Asian Wall Street Journal (ASWJ), Dow Jones Publishing Company (Asia) Inc.; Pengarang AWSJ, Reginald Chua; Penerbit dan Pengarang Eksekutif AWSJ, Urban C Lehner dan Dow Jones And Company Inc., penerbit laman web <http://nrstgls.djnr.com/cgi-bin/DJInteractive-Page> sebagai defendan.

Prof Jomo berkata, beliau menulis artikel itu berdasarkan maklumat yang diperolehi untuk kepentingan awam dan menjadi tanggungjawabnya serta defendan lain untuk menerbitkannya.

Menurutnya, fakta dan bahan artikel bertajuk: Malaysia Props Up Crony Capitalists dan diterbitkan oleh AWSJ pada halaman 10, 21 Disember tahun lalu benar.

Katanya, Tan mempunyai hubungan baik dengan Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan sering mengikuti rombongan Perdana Menteri untuk lawatan rasmi ke luar negara.

Selain itu, katanya, Tan juga adalah kawan rapat Menteri Kewangan Tun Daim Zainuddin sejak 1985 dan bekas Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim.

Menurutnya, perhubungan baik Tan dengan Dr Mahathir, Daim dan Anwar diketahui ramai dan sering menjadi topik perbualan di kalangan media serta perniagaan.

Prof Jomo berkata, Tan memperolehi beberapa projek penswastaaan hasil daripada hubungan baiknya dengan pemimpin kerajaan.

Dalam saman malunya, Tan mendakwa kandungan artikel itu memfitnahnya apabila ditonjolkan perkataan mengenai cara perniagaan dan tingkah laku beliau.

Katanya, perkataan yang didakwa memfitnahnya diterbitkan bukan saja di negara ini, tetapi di Australia, Bangladesh, Brunei, China, Guam, Hong Kong, India, Indonesia, Jepun, Korea Selatan, Pakistan, Filipina, Singapura, Sri Lanka, Taiwan, Thailand dan Vietnam.

Tan mendakwa, perkataan itu diterbitkan secara berterusan oleh defendan kedua hingga kelima dalam laman web berkenaan yang boleh diperolehi oleh pengguna Internet seluruh dunia.

Beliau mendakwa, kandungan artikel itu membawa maksud bahawa beliau diberi satu kontrak untuk membina monorel oleh Kerajaan Malaysia dan projek pembangunan Linear City hanya kerana beliau seorang kroni Kerajaan.

Menurutnya, artikel itu juga mempunyai maksud walaupun beliau mengetahui risiko projek monorel itu tinggi dan menguntungkan jika berjaya, tetapi jika gagal kerajaan bersedia menanggung kerugian kerana hubungan baik dengannya.

Tan mendakwa, berikutan dengan penerbitan artikel berkenaan, beliau mengalami gangguan perasaan, nama baik dan perniagaannya terjejas serta

beliau telah dibawa ke dalam keaiban, kebencian dan penghinaan dari kaca mata ramai.

Selain itu, beliau memohon perintah menghalang defendan atau wakil mereka daripada terus menerbitkan perkataan yang sama untuk memfitnahnya.

(END)